



Aktiviti 4

Lengkapkan dan persembahkan cerita.

kedai

ketawa

pelanggan

mangga

Pak Cik Lim menjual pelbagai jenis buah mangga. Beliau sangat suka bergurau dengan _____nya.

Pada suatu hari, seorang lelaki datang ke _____ Pak Cik Lim. Pak Cik Lim melayan lelaki itu dengan mesranya.

“Belilah _____ yang manis ini, encik. Kalau tidak manis, encik tidak perlu membayar apa-apa,” kata Pak Cik Lim sambil bergurau. Lelaki itu tersenyum.

“Baiklah. Saya hendak dua kilogram mangga,” kata lelaki itu.

“Encik mahu membeli mangga yang mana?” tanya Pak Cik Lim.

“Saya mahu mangga yang tidak manis. Jadi, saya tidak perlu membayar apa-apa, betul tak?” jawab lelaki itu.

Pak Cik Lim tercengang. Kemudian, mereka berdua _____.

